

RANGSANG BAYI DALAM KANDUNGAN



Mempunyai anak pintar idaman setiap pasangan suami isteri. Dengan anak bijak dan pintar, menjadi kebanggaan tersendiri bagi ibu bapa. Namun, pernahkah ibu bapa berfikir kemahiran bayi boleh dibentuk sejak dalam kandungan?

Selalunya, tatkala bayi mengalami perkembangan otak, semua sel-sel otak sudah melakukan sambungan dengan saraf sejak dalam perut ibu lagi. Justeru disarankan ibu bapa melakukan rangsangan otak bayi sebelum proses kelahiran lagi kerana membawa kesan positif membentuk sel-sel otak anak, sehingga nantinya seorang bayi itu boleh mempunyai kemampuan menakjubkan selepas dilahirkan.

Berikut beberapa langkah boleh diamalkan ibu bapa melatih anak



dari dalam kandungan lagi. Sudah pasti sebelum kelahiran bayi lagi, ibu bapa menyediakan senarai nama untuk bakal anak mereka. Pemilihan nama itu mestilah yang baik supaya boleh menggambarkan perwatakannya.

Amalkan sikap berbual dengan bayi ketika trimester pertama. Andai amalan itu hanya dimulai mejangkau trimester kedua, kerapkan mengusap perut si ibu.

Seorang ayah mungkin tidak dapat merasa 'tendangan' si bayi. Namun, sedarkah para ayah, bayi

juga mahukan sentuhan seorang ayah. Cuba dekati perut si ibu dan ucapkanlah sesuatu yang baik-baik untuk bayi itu seperti membacakan ayat-ayat suci al-Quran.

Selain itu, jika ada kelapangan dirikan solat berjemaah dengan si ibu. Selesai solat, baca al-Quran bersama-sama. Rangsangan dan sentuhan pada bayi amat penting dalam membina 'ikatan' antara kedua-duanya. Berbual dan berceritalah selalu dengan bayi kerana apabila ibu dalam keadaan gembira, begitu juga bayi.

Penuhi keperluan nutrisi dalam pemakanan. Perlu maklum, bakal ibu perlu makan makanan seimbang dan berkhasiat. Hal ini kerana setiap nutrisi daripada makanan yang kita makan akan sampai kepada bayi menerusi zat makanan.

Yang penting, pastikan sumber rezeki adalah halal. Elak membeli menggunakan wang daripada sumber diragui kerana akan mengalir dalam darah bayi. Selain itu, amalkan memakan kacang badam atau 'almond', kurma bersama susu dan isi

ikan.

Hal ini kerana, daging ikan amat baik untuk perkembangan otak bayi. Ada juga menyarankan si ibu mengambil pil minyak ikan sebagai nutrisi tambahan. Untuk merangsang otak bayi, digalakkan si ibu menyanyi dan bermain piano. Selain itu, biasakan diri menyelesaikan soalan matematik.

Hal ini diyakini kerana matematik banyak menggunakan fungsi otak. Latihan matematik dilakukan ketika bayi di dalam kandungan dipercayai dapat melatih otak bayi menjadi lebih bijak. Setelah melakukan yang terbaik mengikut keupayaan dan kemampuan masing-masing, ibu bapa perlu sentiasa berfikiran positif.

Hal ini kerana, dengan mempraktikkan amalan befikir secara positif mampu melahirkan aura positif dalam keluarga itu sendiri. Sebaliknya, elakkan 'tekanan' kerana secara tidak langsung bayi akan berasa tekanan itu juga. Tidak lupa sebagai umat Islam, kita harus banyak berdoa kepada sang pencipta kerana setiap kunci persoalan di dalam hati kita, Dia memiliki jawapannya.